

Air Sungai Simin bertukar seakan-akan susu, keluarkan bau memeningkan

Oleh Ahmad Hasbi - Mei 26, 2024 @ 4:25pm
bhnews@bh.com.my



Penduduk D'Latania Taman Bandar Senawang bimbang berikutan air Sungai Simin berhampiran kawasan perumahan mereka dipercayai tercemar selepas tiba-tiba bertukar warna seakan-akan susu. - NSTP/Azrul Edham

SEREMBAN: Penduduk D'Latania Taman Bandar Senawang, di sini, bimbang berikutan air Sungai Simin berhampiran kawasan perumahan mereka dipercayai tercemar selepas tiba-tiba bertukar warna seakan-akan susu.

Selain berubah warna, ia turut mengeluarkan yang memeningkan seolah-olah dicemari bahan toksik atau berkimia.

Penduduk, Mohd Khir Johari, 43, berkata biasanya air sungai di belakang rumahnya jernih namun berubah menjadi warna putih seperti susu.

"Kira-kira jam 10 pagi tadi penduduk memaklumkan air sungai itu berwarna putih sebelum saya melihatnya sendiri dan merakam foto dan video.

"Saya kemudian menghubungi talian hotline Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan melaporkan kejadian itu sebelum beberapa pegawai agensi terbabit turun ke lokasi.

"Sepanjang tinggal di sini sejak dua tahun lalu, ini kali pertama saya melihat air sungai belakang rumah bertukar warna dan mengeluarkan bau.

"Kami bimbang ia disebabkan pencemaran atau bahan kritikal, jadi berharap pihak berkuasa dapat menyiasat punca dan jenis bahan yang mencemari air ini," katanya.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perumahan itu, Zanifol Nizam Ahmad berkata, ada penduduk terpaksa menyewa hotel kerana tidak tahan dengan bau dari sungai itu.

"Saya harap pihak berkuasa dapat ambil tindakan tegas kerana kejadian sama berulang lagi.

"Sebelum ini keadaan agak kritikal sehingga menyebabkan ada kanak-kanak sesak nafas, malah ada terpaksa berpindah keluar buat sementara waktu," katanya.

Pengarah JAS negeri, Hamzah Mohamad berkata, pihaknya sudah mula menjalankan siasatan berhubung insiden itu sejurus mendapat aduan daripada penduduk.

"Kami sudah mengambil sampel air dan tindakan selanjutnya akan dijalankan untuk menyiasat punca pencemaran dan jenis bahan terkandung di dalam air berkenaan," katanya.